



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-FATWA**

**PERMOHONAN MENAIKTARAF PUSAT DAKWAH ISLAM NEGERI KEDAH  
KEPADA MASJID GHAIRU JAMI'E.**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bersidang pada 14 November 2021 telah meneliti Permohonan Menaik Taraf Pusat Dakwah Islam Negeri Kedah kepada Masjid Ghairu Jami'e dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Pusat Dakwah Islam Negeri Kedah adalah salah sebuah pusat aktiviti untuk menyebarkan risalah dakwah kepada masyarakat khususnya mereka yang berada di sekitarnya.
2. Pusat Dakwah juga amat sinonim dalam kalangan masyarakat sebagai tempat tumpuan pengunjung antaranya untuk mendirikan solat, mengikuti kelas pengajian agama, tempat persinggahan bagi orang yang bermusafir dan sebagainya.
3. Selain itu, lokasi Pusat Dakwah yang strategik menyebabkan para pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat menjadikannya destinasi persinggahan dengan tujuan tersendiri. Dalam hal ini, sekiranya tempat berkenaan di naik taraf kepada masjid Ghairu Jami'e, tentunya akan menyempitkan fungsi pusat tersebut.
4. Sementara itu, sasaran aktiviti dakwah di pusat tersebut juga turut melibatkan golongan bukan Islam pada masa akan datang. Sekiranya Pusat Dakwah di naik taraf sebagai Masjid Ghairu Jami'e, tentunya tidak dapat mencapai matlamat penubuhan Pusat Dakwah dalam merealisasikan jaringan dakwah merentasi agama dan budaya.

5. Justeru, berdasarkan alasan-alasan di atas, Jawatankuasa Fatwa berpandangan status Pusat dakwah Islam wajar dikekalkan seperti sedia ada tanpa dinaik taraf kepada Masjid Ghairu Jami'e agar fungsi asal penubuhan Pusat Dakwah dapat dilaksanakan dengan optimum, mudah-mudahan peranan Pusat Dakwah akan lebih bersifat dinamik bersesuaian dengan kehendak semasa.

**TARIKH KEPUTUSAN : 14 NOVEMBER 2021**